

30 DEC 1996

#### USPD SASAR JUAL 210 PROTON PUTRA SEBULAN

SHAH ALAM, 30 Dis (Bernama) -- Usahasama Proton DRB Sdn Bhd (USPD), pengedar Proton Putra, model "coupe" Proton yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, meletakkan sasaran untuk menjual 210 unit kereta tersebut setiap bulan.

Ketua eksekutif USPD, Abdul Rashid Abdul Rahim berkata jumlah ini agak tinggi kerana, memandangkan ia adalah kereta pasaran khusus, syarikat itu tidak menjangkakan jumlah jualan yang tinggi bagi model ini.

Beliau memberitahu pemberita selepas pelancaran kereta tersebut di sini, bahawa Putra disasarkan untuk satu golongan kecil, kerana ciri-ciri "sport"nya, seperti tempat duduk sport dan stering sport "momo" seharusnya menarik minat generasi muda.

Putra, dengan kuasa enjin DOHC 1.8 liter empat silinder dan 16 injap beserta dengan kotak gear manual lima kelajuan, berharga RM68,887.48.

Kereta ini akan menyumbang lapan hingga 12 peratus jumlah jualan USPD kerana pada masa ini kereta Satria yang menguasai jumlah jualan 1,800 unit sebulan akan tetap menjadi kereta paling laris USPD, jelas Abdul Rashid.

Kereta-kereta USPD yang lain iaitu Tiara dan Wira Aeroback, masing-masing menyaksikan jualan kira-kira 1,500 unit dan 1,000 unit sebulan.

Kata beliau, pada mulanya, Putra dicadangkan untuk pasaran luar negara tetapi pada bulan Jun lalu keputusan dibuat untuk memasarkan kereta tersebut di dalam negeri.

Pasaran eksport Putra yang pertama ialah United Kingdom, di mana pelancarannya dijangkakan menjelang suku kedua tahun 1997.

Kereta itu akan dikeluarkan di kilang keupayaan sederhana syarikat sekutu USPD, Proton Shah Alam pada bulan Julai dan Ogos 1997, tetapi sebelum itu ia akan berkongsi dengan rangkaian pemasangan Satria di kilang USPD di Pekan, Pahang.

Abdul Rashid juga menjelaskan bahawa rancangan sedang dibuat supaya Edaran Otomobil Nasional (EON) dan USPD dapat berkongsi rangkaian perkhidmatan untuk mengelakkan pertindihan pelaburan dan kejadian "mencuri kakitangan satu sama lain."

Jika USPD, mengedar kereta yang agak murah (Tiara) dan model-model sport Proton, EON pula memasarkan model sedan dan model mewah Proton. EON dan USPD mempunyai kira-kira 250 pusat servis.

Beliau berkata kini EON, USPD dan Proton berusaha dengan lebih giat untuk memenuhi keperluan dan citarasa pelanggan yang berubah-ubah, dan ini telah menghasilkan lebih banyak pilihan bagi pelanggan.

Apabila ditanya sama ada pengeluaran model Iswara akan dihentikan, Abdul Rashid berkata "buat masa ini, tidak ada hasrat untuk menghentikan pengeluaran Iswara.

Beliau menyifatkan Iswara sebagai "kereta yang enggan mati," sambil menambah kata bahawa permintaan bagi model tersebut adalah di sekitar 4,000 unit sebulan.

"Kami tidak mungkin dapat menyaingi permintaan walaupun mengeluarkan 60,000 Iswara setahun," katanya. Tetapi beliau mengakui bahawa "model ini akan mati dengan sendirinya" di beberapa pasaran tertentu di luar negara disebabkan oleh pelaburan tinggi yang diperlukan untuk memperbaiki kereta itu bagi memenuhi standard keselamatan yang ketat pasaran-pasaran tersebut.

Abdul Rashid, yang juga merupakan ketua eksekutif Proton Corporation Sdn Bhd, iaitu cawangan Proton yang memudahkan penjualan kereta Proton

dalam pasaran tempatan dan eksport, berkata model baru Proton selepas ini akan hanya diumumkan pada tahun 1999. -- BERNAMA

AD KY MA